


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



“Sebagaimana Aku sudah mengasihi Kamu”

Beberapa tahun lalu, seorang kawan yang bernama Louis mengisahkan cerita manis tentang ibunya yang lemah lembut yang suaranya pun lemah lembut. Apabila dia meninggal dunia, dia tidak meninggalkan anak-anak lelaki dan perempuannya harta kekayaan tetapi warisan kaya dalam teladan, pengorbanan dan ketaatan.

Setelah madah di upacara pengebumiannya telah diucapkan dan perjalanan sedih ke tanah pengebumian telah dijalankan, keluarga yang sudah dibesarkan itu mengasingkan kepunyaannya yang tidak seberapa banyak yang telah ditinggalkannya. Antaranya, Louis menjumpai nota dan anak kunci. Notanya mengarahkan: Di penjuru bilik tidur, dalam laci terbawah ada kotak kecil. Ia mengandungi harta hati saya. Kunci ini akan membuka kotak itu.”

Mereka semua bertanya-tanya apa kepunyaan ibu mereka yang cukup bernilai untuk disimpan dengan kunci dan anak kunci.

Kotak dikeluarkan dari tempat tinggalnya dan dibuka dengan teliti dengan bantuan anak kunci. Ketika Louis dan yang lain memeriksa kandungan kota, mereka menjumpai gambar masing-masing setiap anak, dengan nama anak dan hari lahirnya. Louis lalu menarik keluar sehelai

kad hari Valentine buatan sendiri. Dalam tulisan seperti kanak-kanak, yang dia kenali sebagai tulisan dia sendiri, dia membaca kata-kata yang dituliskannya 60 tahun yang lalu: “Ibu, saya mengasihi kamu.”

Hati lembut, suara lemah lembut dan matanya berair mata. Harta ibu merupakan keluarganya yang abadi. Kekuatannya terletak atas landasan “Saya mengasihi kamu.”

Dalam dunia zaman kini, tidak ada tempat di mana landasan kasih itu diperlukan lebih daripada rumah. Dan tidak patut dunia cari teladan lebih baik landasan itu dari rumah Orang Suci Zaman Akhir yang telah menjadikan kasih pusat hidup keluarga mereka.

Untuk kita yang menganggap diri sebagai pengikut Juruselamat Yesus Kristus, Dia memberi arahan meluas ini:

“Sekarang Aku memberikan perintah baru kepadamu: Hendaklah kamu saling mengasihi; sebagaimana Aku sudah mengasihi kamu, hendaklah kamu saling mengasihi.

“Jika kamu saling mengasihi, semua orang akan tahu bahawa kamu pengikut-pengikut-Ku.”¹

Kalau kita mahu mematuhi perintah untuk saling mengasihi, kita mesti memperlakukan satu sama lain dengan rasa kasihan dan hormat, menunjukkan kasih kita

dalam interaksi seharian. Kasih mempersembahkan kata baik, balasan sabar, tindakan tidak mementingkan diri, telinga yang fahami, hati yang mengampuni. Dalam semua perhubungan kita, tindakan ini dan tindakan begini akan menyatakan bukti kasih yang ada dalam hati kita.

Presiden Gordon B. Hinckley (1910–2008) memerhatikan: “Kasih . . . merupakan emas di hujung pelangi. Akan tetapi ia lebih dari hujung pelangi. Kasih juga berada pada permulaan juga, dan darinya lompat keindahan yang melengkung ke seberang langit pada hari-hari yang beribut. Kasih merupakan perlindungan untuk mana anak-anak yang menangis, kemahuan muda, pelekat yang mengikat perkahwinan, dan pelincir yang menghalangi geseran yang dapat binasakan rumah tangga; ia adalah cahaya matahari yang bersinar menusuk kemati-an. Betapa kaya mereka yang menikmati dalam perhubungan dengan keluarga, sahabat, gereja, dan jiran.”²

Kasih adalah intipati Injil, sifat jiwa manusia yang paling mulia. Kasih adalah ubat untuk keluarga yang kurang kuat, masyarakat tidak sihat dan negara sakit. Kasih adalah senyuman, salaman, ulasan baik hati, dan pujian. Kasih adalah pengorbanan, pelayanan, dan tidak mementingkan diri.

Para suami, kasihlah isteri anda. Memperlakukan mereka dengan maruah dan penghargaan. Para saudari, kasihlah suami anda. Memperlakukan mereka dengan hormat dan galakan.

Ibu bapa, kasihlah anak-anak anda. Doakan untuk mereka, ajarkan mereka, dan bersaksi kepada mereka. Kanak-kanak, kasihlah ibu bapa anda. Tunjukkan mereka kehormatan, kesyukuran dan ketaatan.

Tanpa kasih yang murni Kristus, Mormon menasihati, “[kita] tidak bermakna langsung.”³ Doa saya adalah supaya kita dapat mengikuti nasihat Mormon untuk “berdoalah kepada Bapa dengan sekuat tenaga hati, agar [kita] boleh dipenuhi dengan kasih ini, yang telah Dia berikan kepada semua yang merupakan pengikut sejati Putera-Nya, Yesus Kristus; agar [kita] boleh menjadi putera-putera Tuhan; agar apabila Dia akan memperlihatkan diri-Nya kita akan kelihatan seperti Dia.”⁴

NOTA

1. Yohanes 13:34–35.

2. Gordon B. Hinckley, “And the Greatest of These Is Love,” *Ensign*, Mac 1984, 3.

3. Moroni 7:46; lihat juga ayat 44.

4. Moroni 7:48

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Monson mengajar kita kepentingan menunjukkan kasih murni seperti Kristus, khususnya dalam rumah. Pertimbangkan menanyakan mereka yang anda kunjungi berkumpul sebagai keluarga dan berbincang mengenai cara mereka dapat menunjukkan lebih kasih kepada satu sama lain. Anda boleh menggalakkan mereka untuk memilih salah satu dari idea-idea tersebut dan membuat matlamat untuk mencapainya sebagai keluarga. Misalnya, ahli keluarga mungkin cuba melakukan tindakan pelayanan secara rahsia untuk seorang ahli keluarga yang lain setiap minggu. Anda boleh meminta mereka untuk memikirkan nanti bagaimana cuba mencapai matlamat mereka meningkatkan kasih dalam rumah.

REMAJA

Berdoa untuk Kedamaian

Oleh Sarah. T.

Ibu bapa saya selalu ada pertemuan selepas gereja, dan saya akan menjaga ketiga adik lelaki saya dan bantu mereka menyediakan makan tengah hari—walaupun mereka sering cepat naik darah dan lapar. Biasanya jika mereka mula bergaduh, saya dapat menyelesaikan masalahnya yang kecil dengan cepat. Tetapi kadang-kadang susah untuk mendamaikan mereka kalau pergaduhan sudah bermula kerana saya menjadi panas hati.

Pada satu petang, adik-adik lelaki saya sangat susah untuk bernesra. Saya mendapati bahawa usaha saya mendamaikan mereka hanya membuat perkara menjadi lebih teruk saya pun panas hati. Jadi saya menyediakan makan tengah hari saya dan berhenti bercakap. Akhirnya saya mengumumkan, “Saya akan berdoa.” Bolehkah kita berdiam untuk seminit?” Apabila mereka berdiam, saya memohon berkat atas makanan. Dan sebelum saya tutup doa, saya menambah, “Dan tolonglah kami menjadi pendamai.”

Pada awalnya, mereka seperti tidak mendengar dan mula bergaduh lagi. Saya berasa jengkel tetapi saya tahu saya perlu menjadi penyayang dan bertenang sebanyak mungkin kerana saya baru saja berdoa untuk kedamaian. Selepas seminit, saya rasa sangat tenang.

Saya makan tanpa sebut apa-apa, dan lama-kelamaan adik-adik lelaki saya berhenti bergaduh. Saya menyedari bahawa damai yang dirasai saya ialah jawapan doa saya yang tidak rumit. Saya telah berdoa untuk menjadi pendamai, dan Bapa Syurgawi saya telah membantu saya terus bertenang apabila tergoda untuk menjerit. Saya tahu Dia benar-benar boleh memberi kita kedamaian.

Penulis ini tinggal di Arizona, AS.

KANAK-KANAK

Harta Sejati

Presiden Monson mengatakan cerita tentang seorang ibu yang ada kotak harta istimewa. Bila anaknya membuka kotak, mereka menjumpai gambar-gambar diri mereka sendiri. Harta ibu itu adalah keluarganya!

Harta yang sebenar bukanlah emas atau batu-batu permata—ia orang yang anda sayangi. Siapakah anda sayangi? Melukis kotak harta dengan gambar mereka atau nama mereka di dalam kotak.



Korban Tebusan Kristus Adalah Bukti Kasih Tuhan

Kaji bahan pengajaran ini dengan berdoa dan mencarikan inspirasi untuk mengetahui apa yang harus dikongsi.

Iman, Keluarga, Pertolongan

Memahami bahawa Bapa Syurgawi kita memberi Putera Tunggal-Nya agar kita mungkin ada kebaqaan dan potensi untuk kehidupan abadi membantu kita merasa kasih Tuhan untuk kita yang tidak terhad dan tidak dapat difahami. Juruselamat juga mengasihi kita.

“Siapakah akan memisahkan kita dari kasih Kristus? . . .

“Aku yakin bahawa tiada sesuatu pun dapat menghalang Kristus mengasihi kita: baik kematian mahupun kehidupan, baik malaikat mahupun penguasa lain di angkasa, baik hal-hal yang berlaku sekarang mahupun pada masa yang akan datang,

“Baik ketinggian, baik kerendahan, baik apa-apa ciptaan lain, dapat menghalang kita dari kasih Tuhan, iaitu Kristus Yesus, Tuhan kita. (Roma 8:35, 38–39).

Tentang Korban Tebusan Yesus Kristus, Elder D. Todd Christofferson

dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata: “Penderitaan Juruselamat di Gethsemane dan deritanya di salib menyelamatkan kita dari dosa dengan memuaskan tuntutan keadilan yang ada pada kita. Dia menawarkan belas kasih kepada orang yang bertaubat. Korban Tebusan Yesus Kristus juga memuaskan hutang yang keadilan ada pada kita dengan menyembuhkan dan mengganti rugi dengan penderitaan yang kita bertahan walaupun tidak bersalah. Dia menderita kesakitan setiap makhluk yang hidup, baik lelaki, perempuan, mahupun kanak-kanak, yang termasuk dalam keluarga Adam. (2 Nefi 9:21; lihat juga Alma 7:11–12).”¹

Kristus ada “[kita] terukir pada tapak tangan [Dia](Yesaya 49:16). Linda K. Burton, Presiden Umum Lembaga Pertolongan, berkata, “Tindakan kasih itu yang tertinggi harus membuat kita berlutut dalam doa rendah hati untuk bersyukur kepada

Bapa Syurgawi kita cukup sehingga Dia mengutus Anak Tunggal-Nya yang sempurna untuk menderita untuk dosa kita, sakit hati kita, dan semuanya yang kelihatan tidak adil dalam hidup masing-masing kita.”²

Tulisan suci dan Maklumat Tambahan

Yohanes 3:16; 2 Nefi 2:6–7, 9; reliefsociety.lds.org

NOTA

1. D. Todd Christofferson, “Redemption,” *Liahona*, Mei 2013, 110.
2. Linda K. Burton, “Is Faith in the Atonement of Jesus Christ Written in Our Hearts?” *Liahona*, Nov. 2012, 114.

Pertimbangkan Ini

Bagaimana kita dapat menyatakan kesyukuran dan kasih kita untuk Tuhan dan Yesus Kristus untuk kurnia Korban Tebusan Juruselamat?